



Ruj. Kami : KKM510-4/4/3/2/1Jld.47 (46)

Tarikh : 8 Mei 2019

YBhg. Datuk / Dato' / Dr / Tuan / Puan;

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG HARI BEKERJA DAN TARIKH PERMULAAN  
PENGAJIAN BAGI PENERIMA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI  
SISTEM TERBUKA**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita pihak Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) ingin memaklum kepada semua PTJ dan Penerima **HLP bagi Sistem Terbuka Sesi 2019/2020 Ambilan Jun**, berhubung tarikh permulaan pengajian ke **Universiti Awam dan Fasiliti KKM** sepertimana berikut :

| BIL | HARI BEKERJA | UNIVERSITI TERLIBAT  |
|-----|--------------|--|
| 1.  | 1-9 Jun 2019 | UM, UKM, UPM, UIA<br>UNIMAS, UMS,<br>UITM<br>(Pendaftaran masuk pada 10<br>Jun 2019 (Isnin)) |
| 2.  | 1-8 Jun 2019 | USM<br>(Pendaftaran masuk pada 9<br>Jun 2019 (Ahad))   |

3. Dimaklumkan bahawa bagi kalendar akademik Universiti Awam bagi Sistem Terbuka pada kebiasaannya akan memulakan Sesi Pengajian pada 1 Jun setiap tahun. Walau bagaimanapun, bagi kalendar tahun 2019, **Cuti Hari Raya Aidilfitri akan jatuh pada 5 dan 6 Jun 2019, manakala sesi pendaftaran Universiti hanya akan bermula pada 9 dan 10 Jun 2019 sahaja.**



4. Oleh yang demikian, bagi penerima **Hadiah Latihan Persekutuan bagi Sistem Terbuka Sesi 2019/2020 Ambilan Jun** adalah dikira sebagai Hari Bekerja di Pusat Tanggungjawab (PTJ) asal pegawai untuk tempoh sebelum sesi pendaftaran di Universiti.

5. Dimaklumkan jua, untuk sebarang permohonan Cuti Rehat mulai 1 hingga 9 Jun 2019 adalah berdasarkan kepada kelulusan Ketua Jabatan PTJ asal pegawai.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Dr / Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah;



( AZLAN BIN AHMAD )

Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia